

TR: 1.3.1966

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI
BANK BUMIPUTERA DI KUALA LUMPUR
PADA 10HB MAC, 1966.

Y.T.M. Tunku Perdana Menteri¹,
Pengarah Urusan dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah,
Tuan-tuan Yang Terutama,
Yang Berhormat Menteri,
Tuan-tuan dan Puan sekalian;

Saya sangat sukacita kerana sama-sama hadir di Upacara Pembukaan Rasmi Bank Bumiputera pada hari yang berbahagia ini. Bank ini adalah dilahirkan daripada satu daripada usul-usul Kongres Ekonomi Bumiputera dan dengan pembukaan Bank ini bermaknalah satu ketetapan Kongres yang penting telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan Perikatan dengan jujur dan dengan cepatnya.

Seperti kata Y.T.M. Tunku Perdana Menteri dalam perutusannya kepada Bank ini bahawa Bank Bumiputera ini akan menjadi satu alat yang penting bagi perhubungan antara penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar dengan mereka yang tinggal di bandar dan Bank ini akan menjadi satu alat yang penting bagi menolong rakyat negeri ini yang mundur untuk mengambil bahagian yang lebih besar dan lebih luas lagi dalam lapangan iktisad, lapangan perusahaan dan perniagaan. Dalam 5 tahun yang lalu Kerajaan Perikatan di bawah pimpinan Y.T.M. Tunku Perdana Menteri kita telah banyak menjalankan rancangan-rancangan kemajuan dan membawakan perubahan-perubahan yang besar-besar ke bandar-bandar dan juga ke kampung-kampung di seluruh negara kita. Pembukaan Bank ini adalah bermakna kita telah meningkat kepada satu tingkatan lagi dalam usaha Kerajaan hendak memperbaiki keadaan hidup rakyat di negara kita.

Kerajaan Perikatan adalah sentiasa berpandu kepada kehendak-kehendak dan hasrat rakyat daripada semua bangsa yang duduk di negara kita. Tiap-tiap seorang rakyat, di mana-mana duduknya

sekalipun, bagaimana jauh dari Ibu Kota Kuala Lumpur, adalah sentiasa dalam pandangan dan ingatan Kerajaan kita. Dengan sebab itu Kerajaan telah menjalankan ikhtiar-ikhtiar untuk menolong tiap-tiap seorang rakyat, orang-orang yang miskin diberi pertolongan supaya dapat mempunyai taraf hidup yang lebih bahagia dan lebih sempurna. Satu daripada dasar Kerajaan Perikatan yang penting ialah hendak mengurangkan perbezaan taraf kehidupan di antara rakyat yang miskin dengan rakyat yang berada. Dengan sebab itu telah diadakan usaha-usaha untuk memberi peluang yang lebih kepada rakyat yang dahulunya tidak mempunyai peluang bagi meninggikan taraf hidup mereka itu. Bank Bumiputera ini akan menjadi satu alat yang penting dalam lapangan ini. Bank ini diharap akan memberi peluang terutama sekali kepada ahli-ahli bumiputera menjalankan perusahaan dan perniagaan melalui sebuah Bank yang dipunyai oleh mereka itu sendiri dan Bank ini akan memberi kemudahan-kemudahan yang berpatutan menurut peraturan dan dasar yang tertentu bagi mengadakan modal dan pinjaman kepada rakyat yang berkehendakkan modal dan pinjaman untuk menjalankan perusahaan dan perniagaan. Saya harap Bank ini akan digunakan bukan semata-mata bagi tempat hendak meminta pertolongan bahkan tempat menyimpan wang dan Bank ini akan mendorong rakyat di luar bandar untuk berjimat cermat supaya dapat mereka itu menjalankan perniagaan dan perusahaan dengan maju dan jaya.

Saya berdoa Bank Bumiputera ini akan berjaya dan semoga akan dapat mengadakan perkhidmatan Bank dan kemudahan-kemudahan yang lain kepada rakyat di Malaysia ini. Saya juga sukacita melihat yang Bank ini adalah mencerminkan kerjasama di antara orang-orang Bumiputera dengan rakyat Malaysia yang bukan bumiputera. Saya sangat besar hati melihat beberapa orang pegawai-pegawai tinggi Bank ini terdiri dari orang-orang Malaysia dari keturunan bukan Melayu yang mempunyai pengalaman dan pintar dalam seluk beluk Bank. Begitu juga ada 3 orang ahli-ahli Lembaga Pengarah (Board of Directors) daripada orang-orang dari keturunan yang bukan bumiputera. Mereka ini sedang menolong mentadbir dan menguruskan Bank Bumiputera. Ini adalah menunjukkan yang ahli-ahli kaum yang lain daripada bumiputera adalah sedia hendak memberi pertolongan kepada ahli-ahli bumiputera untuk memperbaiki iktisad mereka itu dan untuk memberi peluang yang lebih luas kepada mereka itu dalam lapangan perniagaan dan

perusahaan. Dengan kerjasama dan taat setia mereka, saya percaya, Bank Bumiputera akan berjalan sebagai sebuah Bank Perniagaan yang baik dan akan memberi sumbangan yang besar bagi perkembangan kemajuan ekonomi negara ini.

Kerajaan akan menolong Bank Bumiputera sedaya upayanya bagi meyakinkan kejayaan itu tetapi kejayaan sesuatu itu bukan terletak pada Kerajaan sahaja tetapi adalah kepada semua rakyat sekalian. Rakyat Malaysia khususnya rakyat bumiputera mestilah memberi kerjasama dan sokongan yang penuh kepada Bank ini dan jika ada kerjasama antara rakyat dengan Kerajaan, nescaya Bank ini akan berjalan baik dan akan berjaya dan akan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara kita.

Saya tidak berhajat hendak bercakap panjang pada hari ini oleh kerana tuan-tuan dan puan-puan sekalian tentu seperti saya juga ternanti-nanti hendak mendengar amanat yang penting daripada Y.T.M. Tunku Perdana Menteri.

Terima kasih.

¹ Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.